

## **JPJ Kutip RM8.5 Bilion**

---

**KUALA LUMPUR** : Persidangan Dewan Rakyat diberitahu semalam, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengutip RM8.5 bilion melalui sumber hasil bukan cukai pada 2019 dan 2018. Memberikan angka terperinci, **Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong** berkata, daripada jumlah itu, RM4,317,189,192.16 hasil kutipan tahun lalu manakala RM4,233,171,543.31 pada 2018.

"Hasil kutipan bagi kedua-dua tahun berkenaan melalui saluran di kaunter fizikal JPJ adalah sebanyak RM5,028,984,496.37 bersamaan 58.82 peratus. Pada masa ini perkhidmatan kaunter fizikal JPJ melibatkan 15 JPJ negeri, 65 cawangan JPJ dan 19 JPJ UTC (Pusat Transformasi Bandar)," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan **Anthony Loke Siew Fook (PH-Seremban)** yang ingin tahu jumlah hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dipungut JPJ pada 2018 dan 2019 serta jumlah hasil yang dipungut melalui kaunter fizikal JPJ, saluran dalam talian MySikap JPJ dan saluran dalam talian syarikat swasta.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 10 | 28 JULAI 2020**